

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN  
RASMI PERSIDANGAN AGUNG KESATUAN  
GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT DI  
DEWAN HANG TUAH, BANDAR MELAKA,  
MELAKA PADA 16HB DISEMBER, 1972

Tuan Pengerusi, Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh merasa gembira kerana dapat hadir bersama-sama pada Persidangan Agung Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat di samping mendapat penghormatan untuk merasmikannya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Kesatuan yang telah datang dari jauh dan dekat berhimpun di sini membuktikan sokongan mereka kepada Pertubuhan ini dan terutama sekali kepada Panitia Sambutan yang telah mengaturkan acara meriah menyambut ketibaan saya sebentar tadi.

Pada hemat saya, selagi ada perpaduan yang kukuh dan sokongan yang tidak berbelah-bagi dari seluruh ahlinya, Kesatuan ini akan dapat terus berbakti kepada masyarakat dan negara serta meneruskan perjuangan yang diwarisnya sejak pertubuhan asalnya—KPGMS—diasaskan tahun 1946 dahulu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya menganggap Persidangan kali ini sebagai satu peristiwa yang besar maknanya kepada pergerakan Guru-guru Melayu. Kaum Guru sebagai satu kumpulan merupakan angkatan pelupur yang telah bersama-sama memperjuangkan cita-cita kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Beberapa orang daripada tokoh-tokoh pejuang itu masih ada di tengah-tengah kita hari ini dan saya sangat berbesar hati kerana diberi penghormatan menyampaikan Pingkat Emas kepada mereka itu pagi ini.

Tidak siapa yang boleh menafikan bahawa mereka itu telah banyak berjasa dalam usaha memperjuangkan kepentingan pelajaran Melayu dan bahasa Kebangsaan sejak dari zaman kolonial hingga kini menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam negara yang merdeka dan berdaulat.

Saya sungguh gembira kerana mereka adalah rakan-rakan lama yang saya kenal baik semasa memegang portfolio Pelajaran tujuh belas tahun dulu dan sama-sama berganding bahu memperjuangkan kemerdekaan negara yang kita kasihi. Oleh yang demikian, amatlah kena pada waktunya kita hari ini menunjukkan penghargaan atas jasa dan pengorbanan mereka itu, bukan saja sebagai Pahlawan Kesatuan Guru atau tokoh pendidikan, bahkan mengingat khidmat bakti mereka yang tidak ternilai untuk bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Tahun-tahun enam puluhan telah melihat perkembangan-perkembangan pesat dalam usaha kita memenuhi cita-cita kemerdekaan, meskipun kita terpaksa menghadapi saat-saat genting berikutan dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Satu hal yang amat menggembirakan saya semasa tempuh itu ialah adanya perubahan sikap di kalangan guru-guru Melayu sendiri yang insaf terhadap tuntutan-tuntutan baru sesuai dengan cita-cita dasar pelajaran kebangsaan yang kita gubal bersama menggantikan dasar pelajaran zaman kolonial.

Saya sungguh merasa lega melihat perkembangan ini oleh sebab inilah kemajuan yang saya sangat-sangat ingini berlaku di kalangan guru-guru Melayu khasnya supaya mereka berusaha membaiki dan meningkatkan lagi kelulusan akademik mereka dan dengan demikian dapat menikmati taraf yang selayaknya.

Hari ini kita boleh berbangga kerana jalan yang dirintis oleh pelupor-pelupor tahun limapuluhan itu semakin luas digunakan. Ramai Guru-guru Melayu yang satu masa dulu hanya berkelulusan SITC tidak hanya berpuas hati mengambil Sijil Seberang Laut dan H.S.C. bahkan terus ke Universiti untuk mendapatkan ijazah B.A. (Hons) dan Diploma Pendidikan. Saya berharap trend ini akan berkekalan untuk seberapa lama dan Kerajaan akan bersedia memberi galakan dan bantuan kepada sesiapa yang memerlukannya.

Dalam hubungan ini juga, saya suka memuji usaha Kesatuan ini mengaturkan kuliah dan kursus secara bertuhs dengan kerjasama Yayasan-yayasan Perguruan Tinggi di Indonesia seperti Universitits Nasional itu. Apa jua langkah yang bertujuan meninggikan taraf ilmu pengetahuan akademik sangatlah baik kerana ini dapat pula menjamin mutu pengajian di sekolah-sekolah kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga mengalu-alukan usaha menerbitkan majallah Guru sebagai media untuk menyebarkan pengetahuan dan pendapat-pendapat baru di bidang pendidikan dan perguruan. Dalam tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan dulu majallah Guru di kenal sebagai salah satu penerbitan yang terkemuka dan bermutu tinggi. Peranannya sebagai arena sastera mempunyai tempat istimewa dalam sejarah kemajuan sastera Melayu dan saya harap majallah Guru dalam bentuknya sekarang ini akan memainkan peranan yang sama penting di samping penerbitan-penerbitan yang ada dewasa ini.

Saya sukacita juga mendengar bahawa Tabling Biasiswa Kesatuan ini telah berhasil melahirkan ramai lagi tenaga ahli kaum kita yang lulus dalam berbagai jurusan pelajaran tinggi. Langkah seperti ini amat besar maknanya membantu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan menerusi Biasiswa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan MARA kerana keperluan tenaga terlatih masih banyak diperlukan untuk beberapa jangkawaktu Rancangan Pembangunan Malaysia.

Saya ingin menegaskan, terutama dalam langkah menyusun semula masyarakat, kita memerlukan sekian ramai tenaga professional di kalangan orang Melayu dan Bumiputra yang lain supaya beransur-ansur dapat mengimbangi jurang perbezaan yang ada hari ini. Lebih-lebih pula dengan bertambahnya tiga lagi pusat pengajian tinggi di tanah air kita—Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan, keperluan sarjana-sarjana sains dan teknologi di pusat-pusat itu akan terus meningkat dan mesti dipenuhi. Saya percaya dan ingin melihat ada antara saudara-saudara di sini yang sanggup menyambut cabaran ini samada mengambil peluang Tabung Biasiswa Kesatuan ataupun sumber-sumber lain.

Saudara-saudara sekalian,

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini menyentuh tentang masaalah masyarakat khususnya setakat yang berhubung dengan jenerasi muda di bangku sekolah. Dalam keadaan sekarang disebabkan cepatnya pengaruh sesuatu di Barat umpamanya menjalar ke sebelah sini melalui alat-alat hubungan moden seperti radio, TV dan filem-filem, saya berpendapat tugas dan tanggungjawab kaum guru semakin berat kalau keadaan ini hendak dikawal

sebaik-baiknya. Memang benar sebahagian daripada tanggungjawab ini patut dipikul bersama oleh ibubapa anak-anak tetapi saya yakin kalau kaum guru memberikan bimbingan yang sempurna dengan penuh dedikasi kita akan berjaya membentuk generasi muda yang terdidik dan berdisiplin.

Dalam context ini, saya fikir amatlah mustahak kaum guru mempunyai code of ethics atau tatasusila yang semestinya dijadikan panduan dan amalan. Menurut pengertian ini, kaum guru, sebagaimana juga golongan professional yang lain, mempunyai garis batasan yang patut dipatuhi setiap masa. Ini sangatlah penting kerana mereka diamanahkan untuk membimbing dan mendidik waris negara di masa akan datang. Oleh itu mereka hendaklah mempunyai "code" yang sesuai dengan tugas-tugas mereka sebagai pendidik. Masyarakat akan hanya menganggap dan memuliakan seorang guru itu jika ia mempunyai kualiti-kualiti yang sempurna sebagai seorang pendidik. Untuk menjadi seorang guru yang baik bukan hanya berkehendakkan kelulusan dan ikhtisas sahaja tetapi juga sikap, dedikasi, sifat amanah dan tanggungjawab terhadap profession sebagai seorang guru. Guru-guru hendaklah memahami bukan sahaja dasar-dasar pelajaran dan kaedah-kaedah mengajar tetapi adalah penting bagi mereka itu memahami betul-betul dan bersimpati dengan tujuan-tujuan dan kehendak-kehendak masyarakat dalam segi pembangunan dan sebagainya.

Pembinaan masyarakat Malaysia yang baru bermula di dalam bilik-bilik darjah dari masa kanak-kanak lagi, kerana pengajaran dan pengalaman di bangku sekolah itu akan mencipta keperibadian masyarakat akan datang. Oleh yang demikian, mustahaklah saudara-saudara menyedari betapa penting dan besarnya harapan negara kita terhadap peranan guru-guru kita dan kita berkehendak mereka mempunyai sifat-sifat peribadi yang perlu untuk memenuhi harapan melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, tekun dan berdisiplin.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sekarang berada di ambang zaman yang penuh dengan harapan dan keyakinan, memenuhi hasrat dan cita-cita sebagai bangsa yang merdeka. Setelah lima belas tahun kita telah meningkat dewasa dengan mempunyai keperibadian atau identity tersendiri serta kesanggupan menentukan arah haluan yang akan kita tujui. Kita boleh berbangga dengan penghormatan tinggi negara-negara

dunia termasuk kuasa-kuasa besar terhadap kita pada masa ini, terutama dengan peranan yang kita jalankan dalam arena politik rantau ini.

Hari ini kita mempunyai tempat yang mulia di kalangan dunia antarabangsa. Baru-baru ini saya telah melawat beberapa negara di Eropah termasuk Soviet Union di mana saya mendapat sambutan yang lazimnya khas bagi pemimpin kuasa-kuasa besar. Ini adalah penghormatan yang besar bagi negara kita Malaysia yang sepatutnya mendorong semua rakyat supaya menyokong penuh usaha Kerajaan meninggikan nama dan mertabat negara kita untuk menjadi warisan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Dalam perkembangan-perkembangan yang pesat di bidang politik, ekonomi dan sosial, saya fikir patutlah saudara-saudara kaum Guru membulatkan azam dan tekad meninggikan taraf kedudukan mereka supaya saudara-saudara juga mempunyai tempat sewajarnya dalam masyarakat hari ini. Masanya sudah luput bagi kita berpuashati dengan perjuangan dan kejayaan masa lalu kerana pada hemat saya apa yang diperjuangkan pada masa itu sudah pun tercapai. Dari sekarang dan untuk masa akan datang, kita menghadapi masalah-masalah baru dan cabaran-cabaran baru di mana setiap kumpulan atau golongan masyarakat mempunyai tugas dan kewajipan masing-masing. Saya berseru dan berharap semuga saudara-saudara akan tampil kemuka, bersama-sama berganding bahu menghadapi cabaran-cabaran itu yang akan membavva bangsa dan negara kita ke zaman yang lebih gemilang.

Saudara-saudara,

Sekali lagi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas jemputan untuk saya datang kemari pagi ini dan dengan sukacitanya saya merasmikan Persidangan ini serta berdoa semuga diberkati Allah segala usaha kita untuk kebajikan negara Malaysia dan kebahagiaan rakyat seluruhnya.